



Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Agensi-Agensi Kerajaan Negeri,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 2 TAHUN 2025**

**PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 7 TAHUN 2013 (GARIS PANDUAN PERBELANJAAN
BERHEMAT) - HAD PERBELANJAAN
PENYEDIAAN MAKANAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Jabatan, Badan Berkanun dan Agensi-agensi Kerajaan Negeri Selangor mengenai pindaan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor (PPNS) Bilangan 7 Tahun 2013 (Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat) - Had Perbelanjaan Penyediaan Makanan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Surat pekeliling ini dikeluarkan bagi membuat penambahbaikan terhadap PPNS Bilangan 7 Tahun 2013 berhubung had penyediaan makanan. Mengambil kira peningkatan kos harga barangan makanan dan minuman di pasaran semasa. Kadar sedia ada bagi penyediaan makanan dan minuman untuk mesyuarat/ kursus/ program di pejabat atau premis Kerajaan Negeri Selangor didapati tidak lagi bersesuaian. Justeru itu, penetapan kadar baharu adalah diperlukan bagi memastikan nilai yang lebih munasabah sejajar dengan harga semasa.

3. HAD PERBELANJAAN PENYEDIAAN MAKANAN

3.1 Pada masa ini, kadar yang digunakan bagi penyediaan makanan dan minuman semasa mesyuarat, kursus atau program yang diadakan di pejabat atau premis Kerajaan Negeri Selangor adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor (PPNS) Bil. 7 Tahun 2013, perenggan 3.3.4 dan 3.5 – Had Penyediaan Makanan. Walau bagaimanapun, mengambil kira nilai semasa serta peningkatan harga bekalan bahan mentah, Perbendaharaan Negeri Selangor telah membuat semakan semula kadar tersebut. Penetapan semula ini juga bertujuan untuk menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan pembekal perkhidmatan penyediaan makanan.

3.2 Oleh itu, setelah mengambil kira keperluan Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri serta faktor ekonomi semasa yang melibatkan syarikat penyedia perkhidmatan katering, penetapan kadar

makanan dan minuman bagi mesyuarat, kursus dan program di pejabat atau premis Kerajaan Negeri Selangor dinaikkan mengikut ketetapan seperti yang tertera di Jadual berikut:

KATEGORI	PEJABAT/ PREMIS KERAJAAN		BUKAN PREMIS KERAJAAN
	PAGI/ PETANG	TENGAH HARI/ MALAM	
VVIP 1. DYMM SULTAN SELANGOR; 2. DYMM PERMAISURI SELANGOR; 3. DYT M RAJA MUDA SELANGOR; 4. YAB DATO' MB; 5. YB SPEAKER; 6. YB EX OFFICIO; dan 7. YB AMMKN	RM20.00	RM40.00	RM123.00 <i>*pakej sehari atau kurang sehari termasuk sewaan dewan</i>
VIP 1. YB TIMBALAN SPEAKER; 2. YB AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR; dan 3. KETUA JABATAN	RM15.00	RM20.00	
BIASA	RM6.00	RM12.00	

- 3.3 Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri bagi mengoptimumkan perbelanjaan, semua Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri dikehendaki mengelakkan pembaziran serta memastikan tiada lambakan dalam penyediaan makanan dan minuman semasa mesyuarat, kursus dan program rasmi.
- 3.4 Bagi acara/ majlis atau program yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap (STANDCO) atau Jabatan/ Agensi di mana **peserta adalah terdiri daripada orang awam**, urus setia perlulah mematuhi kadar seperti berikut:

KATEGORI	PEJABAT/ PREMIS KERAJAAN		BUKAN PREMIS KERAJAAN
	PAGI/ PETANG	TENGAH HARI/ MALAM	
ORANG AWAM	RM6.00	RM12.00	RM150.00 <i>*termasuk pakej makan dan penginapan</i>

4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini berkuat kuasa pada **2 Disember 2025** dan tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.
- 4.2 Pemakaian pekeliling ini turut **dipanjangkan** kepada **Badan Berkanun/ Anak Syarikat Kerajaan Negeri** yang menerima **geran mengurus** tahunan daripada Kerajaan Negeri Selangor.

5. PEMBATALAN

- 5.1 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor (PPNS) Bilangan 7 Tahun 2013 (Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat) **perenggan 3.3.4 dan 3.5 - Had Perbelanjaan Penyediaan Makanan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor** serta pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1: Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam (Kemaskini 2024) bersama Surat Arah, rujukan PWN.SEL.100-1/3/2 JLD 2 (8) bertarikh 2 September 2024 di **perenggan 19** adalah dibatalkan.


Sekian, terima kasih.

"KITASELANGOR MAJU BERSAMA"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. HANIFF BIN ZAINAL ABIDIN)
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: **2** Disember 2025

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)
- iv. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Mengurus)